


# Ekuinas beli 80 peratus pegangan dalam Symbiotica

Oleh Mahanum Abdul Aziz - April 30, 2024 @ 3:28pm

mahanum\_aziz@bh.com.my



Symbiotica Specialty Ingredients Sdn Bhd.

KUALA LUMPUR: Ekuinas Nasional Bhd (Ekuinas) mengumumkan pengambilalihan 80 peratus pegangan dalam Symbiotica Specialty Ingredients Sdn Bhd (Symbiotica), pengeluar bahan aktif farmaseutikal (API) terkemuka tempatan yang pelanggannya merentasi pasaran tempatan dan lebih 70 negara.

Ia adalah pelaburan ketiga Ekuinas dalam sektor farmaseutikal selepas Medispec (M) Sdn Bhd dan Eagle Cliffe Sdn Bhd.

API ialah bahan terapeutik utama dalam ubat bagi persediaan farmaseutikal, ditetapkan untuk rawatan penyakit dan gangguan yang dimaksudkan untuk kegunaan manusia dan veterinar.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Syed Yasir Arafat, berkata industri farmaseutikal adalah penyumbang ekonomi yang ketara dengan potensi pertumbuhan yang luar biasa dan API dikenal pasti sebagai segmen pertumbuhan utama untuk sektor farmaseutikal dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030.

Beliau berkata, pasaran untuk kortikosteroid, hormon steroid dan API bukan steroid berjumlah AS\$36 bilion pada 2023 dan diunjurkan berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan kompaun sebanyak 6.7 peratus menjelang 2027.

"Setelah mencapai pertumbuhan yang progresif dan konsisten sepanjang dua dekad yang lalu, dan sebagai pembekal API yang dikawal selia dan diperakui dengan baik, Symbiotica sebagai salah satu pengeluar API terbesar di Asia Tenggara berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan arah aliran makro memacu pertumbuhan masa depan sektor ini.

"Terdapat strategi yang jelas dan kami berharap untuk membawa syarikat ke tahap pertumbuhan seterusnya dan menyumbang kepada kemajuan yang lebih luas bagi sektor farmaseutikal Malaysia sebagai syarikat API terkemuka di Asia Tenggara," katanya dalam satu kenyataan.

Pengarah Urusan Symbiotica, Ajoy Prabhu, berkata pihaknya berbesar hati dengan keyakinan Ekuinas terhadap nilai dan kemampuan syarikat itu.

Beliau berkata, perkongsian itu sudah pasti akan mendorong Symbiotica dalam bab pertumbuhan yang seterusnya, sambil mengembangkan kapasiti dan keupayaan pembuatan, di samping memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan, khususnya menggunakan teknologi untuk berinovasi dan menjadikan operasi cekap kos.

"Ekuinas membawa nilai tambah kepada Symbiotica, daripada pengalamannya dalam organisasi yang semakin berkembang.

"Kami berharap dapat mensinergikan kekuatan positif kami untuk memanfaatkan peluang pasaran di peringkat antarabangsa, serantau dan domestik, mengukuhkan kelebihan dan kepimpinan kami dalam segmen API," katanya.

Berpangkalan di Seberang Perai, Pulau Pinang dengan kemudahan pembuatan di Kulim, Kedah, Symbiotica mengkhusus dalam pembuatan API hormon kortikosteroid dan steroid, membezakan dirinya sebagai salah satu daripada beberapa pengeluar API di Asia Tenggara yang mempunyai kepakaran dalam bidang itu.

Sejak penubuhannya pada 2001, syarikat itu secara konsisten mengembangkan rangkaian produk dan mengembangkan keupayaannya, yang hari ini memiliki portfolio lebih 70 produk API.